

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN INOVASI SEMPENA SAMBUTAN HARI INOVASI PLANMalaysia 2017

1. PENGENALAN

Pertandingan Inovasi merupakan anugerah yang diberikan kepada projek-projek yang telah dijalankan meliputi projek-projek **Rancangan Kawasan Khas, Projek khas, atau Projek Pembangunan di kawasan negeri, daerah atau pihak berkuasa tempatan dan juga sebarang projek inovasi memudahcara kerja di pejabat.** Anugerah ini akan menilai bagaimana sesuatu projek itu dijalankan bermula dengan aktiviti perancangan pembangunan, pembiayaan kewangan, pelaksanaan projek di tapak dan akhirnya digunakan oleh rakyat dan manfaatnya kepada penjawat awam.

Pertandingan ini diadakan bertujuan untuk memberi pengiktirafan terhadap inovasi yang dihasilkan oleh Warga / Jabatan / Bahagian / Pejabat Projek/ PLANMalaysia@Negeri bagi membudayakan inovasi di dalam sektor awam.

Pertandingan Inovasi diwujudkan bertujuan untuk:

- i) Memberi pengiktirafan secara formal kepada hasil inovasi yang diperkenalkan oleh Warga/ Jabatan/ Bahagian/ Pejabat Projek/ PLANMalaysia@Negeri;
- ii) Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara kerja yang diamalkan oleh Warga/ Jabatan/ Bahagian/ Pejabat Projek/ PLANMalaysia@Negeri;
- iii) Memperkenalkan dan menyebarkan hasil-hasil inovasi yang boleh dicontohi untuk faedah semua Warga/ Jabatan/ Bahagian/ Pejabat Projek/ PLANMalaysia@Negeri; dan
- iv) Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

2. SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

Syarat-syarat menyertai Pertandingan Inovasi adalah seperti berikut:

- 2.1 Penyertaan adalah dibuka kepada semua Warga/ Jabatan/ Bahagian/ Pejabat Projek/ PLANMalaysia@Negeri, PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa).

- 2.2 Inovasi yang dihasilkan hendaklah asli dan ciptaan secara **individu atau berkumpulan (tidak melebihi 5 orang)** yang dibangunkan oleh Warga/ Jabatan/ Bahagian/ Pejabat Projek/ PLANMalaysia@Negeri, PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa).
- 2.3 Kriteria penilaian pelaksanaan projek inovasi untuk Pertandingan Inovasi PLANMalaysia 2017 adalah seperti di **Lampiran 1**;
- 2.4 Projek inovasi yang dipertandingkan perlu bersedia untuk menerima lawatan panel penilai dalam peringkat saringan. Permohonan yang berjaya melepasi proses senarai pendek juga perlu bersedia dijemput untuk membuat pameran/ persembahan di mana-mana Majlis Inovasi anjuran PLANMalaysia atau agensi yang terlibat;
- 2.5 Laporan projek bagi Pertandingan Inovasi hendaklah disediakan dalam **lima (5) salinan** yang perlu dikemukakan kepada Urus Setia Pertandingan Inovasi dengan menggunakan Format Penulisan Laporan seperti di **Lampiran 3**.
- 2.6 **Urus setia berhak menolak sebarang penyertaan** yang melanggar peraturan dan mengubah sebarang syarat yang dirasakan perlu dari masa ke semasa. Keputusan pemilihan kumpulan-kumpulan untuk menyertai Pertandingan oleh Urus setia adalah **muktamad**.
- 2.7 Keputusan Panel Penilai Pertandingan Inovasi sempena Sambutan Hari Inovasi PLANMalaysia 2017 terhadap penilaian projek adalah **muktamad**.

3. KRITERIA LAPORAN

Kandungan Laporan / Penerangan projek hendaklah melalui penyediaan laporan bersaiz **A3 (5 Salinan)** dan menggunakan **Bahasa Melayu**. Laporan tersebut mestilah mengandungi perkara-perkara berikut:

- | | |
|---------------------------------------|---|
| a) Pengenalan | g) Cadangan Projek Pembangunan |
| b) Latar belakang Projek | h) Cadangan Pembiayaan Kewangan |
| c) Justifikasi Pemilihan Projek | i) Impak/Outcome Projek |
| d) Lokasi Tapak | j) Gambar/ Ilustrasi sebelum/ selepas pelaksanaan projek dan gambar-gambar yang berkaitan |
| e) Isu/Permasalahan Projek | k) Contoh amalan terbaik di kawasan projek |
| f) Objektif / Sebab projek dijalankan | |

4. HADIAH PERTANDINGAN

4.1 Pemenang-pemenang akan menerima pengiktirafan seperti berikut:

- i. Tempat Pertama : Wang Tunai RM5,000.00, Piala dan Sijil Penghargaan
- ii. Tempat Kedua : Wang Tunai RM3,000.00 dan Sijil Penghargaan
- iii. Tempat Ketiga : Wang Tunai RM2,000.00 dan Sijil Penghargaan

5. TARIKH TUTUP PERTANDINGAN

5.1 Setiap permohonan penyertaan Pertandingan Inovasi PLANMalaysia 2017 perlu mengemukakan Borang Penyertaan seperti di **Lampiran 2**. Borang penyertaan ini perlu dikembalikan kepada Urus Setia Pertandingan Inovasi PLANMalaysia 2017 selewat-lewatnya **pada 24 JULAI 2017 (ISNIN) sebelum jam 5.00 petang**;

5.2 Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut **AKAN DITOLAK**.

5.3 Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :

Pn. Mariyanti binti Md Desa **Tel : 03-2265 0622**
[\(\[mariyanti@townplan.gov.my\]\(mailto:mariyanti@townplan.gov.my\)\)](mailto:mariyanti@townplan.gov.my)

Pn. Hasnida binti Soaid **Tel : 03-22650621**
[\(\[hasnida@townplan.gov.my\]\(mailto:hasnida@townplan.gov.my\)\)](mailto:hasnida@townplan.gov.my)

Alamat :

**Urus Setia Pertandingan Inovasi
Sempena Sambutan Hari Inovasi PLANMalaysia 2017
Bahagian Korporat,
PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
Jalan Cenderasari,
50646 Kuala Lumpur**

Tel : 03 – 22650600

Faks : 03 – 22650604

**TUMPUAN DAN KRITERIA PENILAIAN PELAKSANAAN PROJEK INOVASI
BAGI PERTANDINGAN INOVASI
SEMPENA SAMBUTAN HARI INOVASI PLANMalaysia 2017**

Tumpuan penilaian dan kriteria yang digunakan dalam proses penilaian dan pemilihan **Pertandingan Inovasi** adalah seperti berikut:

1. Tumpuan Penilaian Pertama : Idea

Idea yang dicetuskan bagi menghasilkan sesuatu inovasi itu diukur dari segi kreativitinya iaitu dengan menilai keaslian dan adaptasi inovasi tersebut.

Kriteria Penilai 1: Kreativiti

Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana projek inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri keaslian dan adaptasi. Penerangan mengenai kriteria ini perlu mempunyai ciri-ciri berikut:

- i. Keaslian Inovasi yang dihasilkan adalah idea asli.
- ii. Adaptasi Inovasi yang dihasilkan merupakan penambahbaikan atau pengubahsuaian idea sedia ada.

2. Tumpuan Penilaian Kedua : Hasil Inovasi (Output)

Hasil inovasi (*output*) diukur dengan mengambil kira **tahap pelaksanaan** dan **replicability** sesuatu inovasi itu.

Kriteria Penilaian 2: Tahap Pelaksanaan

Kriteria ini bertujuan melihat sejauh mana tahap pelaksanaan inovasi yang dihasilkan sama ada ia telah berjaya dilaksanakan sehingga ke peringkat seperti berikut:

- i. Secara penuh (melepassi peringkat percubaan); atau
- ii. Secara percubaan (di peringkat *prototaip*).

Kriteria Penilai 3: Replicability

Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri *replicability* dan terdapat bukti inovasi boleh diguna pakai oleh agensi-agensi lain seperti berikut:

- i. Dilaksanakan secara terus di pelbagai tempat; dan
- ii. Dilaksanakan dengan pengubahsuaian mengikut keperluan tanpa melibatkan kos yang tinggi.

3. Tumpuan Penilaian Ketiga : Impak (*Outcome*)

Impak (*outcome*) dinilai dengan melihat kepada kriteria **efisien** (kecekapan) dan **signifikan** sesuatu inovasi tersebut.

Kriteria Penilaian 4: Efisien

Kriteria ini bertujuan untuk menilai sejauh mana inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri efisien iaitu yang dapat menyumbang kepada:

- i. Penjimatan masa
- ii. Penjimatan kos
- iii. Peningkatan produktiviti
- iv. Mudah digunakan (*user-friendly*)

Kriteria Penilaian 5: Signifikan

Kriteria ini bertujuan untuk menilai sejauh mana inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri signifikan dan terdapat bukti yang nyata inovasi dapat memberi impak kepada keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan dalam:

- i. Perkhidmatan Awam
- ii. Organisasi
- iii. Jabatan / Bahagian / Unit

4. Tumpuan Penilaian keempat : Pengurusan

Aspek pengurusan dinilai dengan memberi penekanan kepada komitmen pihak pengurusan atasan.

Kriteria Penilaian 6: Komitmen

Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana komitmen pengurusan atasan dalam memberi sokongan dari segi:

- i. Kewangan
- ii. Pengurusan Sumber Manusia
- iii. Insentif
- iv. Penghargaan
- v. Peralatan

**KRITERIA PENILAIAN PROJEK INOVASI
BAGI PERTANDINGAN INOVASI
SEMPENA SAMBUTAN HARI INOVASI PLANMalaysia 2017**

TAJUK INOVASI :
NAMA PEREKA CIPTA / :
JABATAN / BAHAGIAN / UNIT :

Tumpuan Penilaian	Kriteria	Markah Penuh
Idea	1. Kreativiti (25 markah)	
	a) Keaslian; atau b) Adaptasi	25 15
Hasil Inovasi (Output)	2. Tahap Pelaksanaan (20 markah)	
	a) Secara penuh (melempi peringkat percubaan); atau b) Percubaan (di peringkat prototaip)	20 10
	3. Replicability (10 markah)	
	a) Boleh dilaksanakan terus di pelbagai tempat; atau b) Boleh dilaksanakan dengan pengubahsuaian mengikut keperluan tanpa melibatkan kos yang tinggi	10 6
Impak (Outcome)	4. Efisien (Kecekapan)(20 markah)	
	a) Jimat masa	5
	b) Jimat kos	5
	c) Tingkatkan produktiviti	5
	d) Mudah digunakan (<i>user-friendly</i>)	5

Tumpuan Penilaian	Kriteria	Markah Penuh
Impak (Outcome)	5. Signifikan (20 markah)	
	a) Tinggi (impak kepada Perkhidmatan Awam;	20
	b) Sederhana (impak kepada organisasi); atau	15
	c) Rendah (impak kepada Bahagian / Unit)	10
Pengurusan	6. Komitmen (5 markah)	
	a) Sumber kewangan	1
	b) Sumber manusia	1
	c) Insentif	1
	d) Penghargaan	1
	e) Peralatan	1
JUMLAH KESELURUHAN (100 Markah)		

LAMPIRAN 2

**BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN INOVASI
SEMPENA SAMBUTAN HARI INOVASI PLANMalaysia 2017**

1. BUTIRAN PEMOHON			
Kategori	ICT ()	Bukan ICT	
	Nama	Jabatan/ Bahagian/Unit	No. Tel
a) Individu			
b) Kumpulan	1)		
	2)		
	3)		
	4)		
	5)		

2. TAJUK PROJEK	3. PENERANGAN RINGKAS PROJEK

4. PENGESAHAN PENYERTAAN	5. KEGUNAAN URUS SETIA
Tandatangan Penyelaras Projek: _____ Nama : _____ Jawatan: _____ Tarikh : _____	Tarikh Terima : _____ Tandatangan Penerima : _____ Nama Pegawai: _____ Jawatan : _____

**FORMAT PENULISAN LAPORAN
PERTANDINGAN INOVASI
SEMPENA SAMBUTAN HARI INOVASI PLANMalaysia 2017**

1. PENGENALAN

Laporan bagi projek inovasi yang dipertandingkan mestilah mempunyai:

- i) Penerangan ringkas mengenai latar belakang dan peranan **Warga/ Jabatan/ Bahagian/ Pejabat Projek/ PLANMalaysia@Negeri**, yang menghasilkan inovasi, piagam pelanggan berkaitan projek inovasi dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan.
- ii) Pengenalan mengenai inovasi :
Penerangan mengenai projek inovasi yang dihasilkan, ciri-ciri, objektif, tempoh pelaksanaan, lokasi pelaksanaan inovasi dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan.

2. SEBELUM DAN SELEPAS INOVASI DIHASILKAN

Perbandingan mengenai kaedah/sistem yang digunakan masalah-masalah yang dihadapi, carta alir kerja sebelum dan selepas inovasi dihasilkan dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan. Perlu disokong oleh data, gambar atau bukti lain yang jelas.

3. KRITERIA PENILAIAN

Penerangan terperinci mengenai setiap kriteria Pertandingan Inovasi iaitu: Kreativiti, Tahap Pelaksanaan, *Replicability*, Efisien dan Signifikan projek. Perlu disokong oleh data, gambar atau bukti lain yang jelas.

4. KESIMPULAN

Rumusan terhadap laporan.